



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
SAMBUTAN HARI WANITA 2019

Sambutan Hari Wanita Sedunia yang disambut pada setiap 8 Mac merupakan hari yang bersejarah dan sangat dinanti-nantikan oleh seluruh wanita di dunia. Bertemakan **#BalanceforBetter** atau **#SeimbanguntukSejahtera** pada tahun ini bertujuan dapat meminimumkan jurang gender demi menghasilkan keseimbangan yang akan membawa kepada kesejahteraan. Selain itu, konsep keseimbangan yang diketengahkan merangkumi peningkatan penyertaan kaum wanita dalam pelbagai bidang secara meluas tanpa sebarang halangan. Ia juga menekankan kepentingan untuk mengarusperdanakan gender dalam aspek perancangan dan pembangunan bagi memberi peluang yang lebih besar kepada kaum wanita bagi mengoptimumkan potensi mereka.

Sejajar dengan tema tersebut, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sebagai peneraju kepada pembangunan wanita telah menyediakan pelbagai platform untuk memperkasakan wanita. Antara perancangan pada tahun semasa adalah menambah baik dan memperhalusi polisi perundangan dan program sedia ada yang merangkumi pembaharuan Dasar Wanita Negara, pengubalan Rang Undang-undang Gangguan Seksual, program keusahawanan (terutamanya yang memberi manfaat kepada kumpulan wanita B40) serta memperluaskan program kesejahteraan wanita di bawah inisiatif i-Suri yang telah dilancarkan pada tahun 2018.

Agenda pembangunan wanita ini tidak akan berjaya tanpa kesedaran, sokongan dan penglibatan inklusif daripada semua golongan dan peringkat umur. Justeru itu, Kementerian ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua agensi kerajaan mahupun swasta agar bersama-sama dalam mewujudkan persekitaran yang seimbang dari pelbagai aspek ke arah kesejahteraan kaum wanita selain memberikan komitmen penuh dalam usaha meningkatkan peluang dan penyertaan wanita dalam pelbagai aspek kehidupan. Ini kerana wanita yang sejahtera menjadi tunggak kepada

pembentukan institusi keluarga yang bahagia, penyayang dan pemangkin kepada kemajuan negara. Segala inisiatif akan dikaji semula dan ditambah baik serta pelbagai inisiatif baharu akan dilaksanakan yang melibatkan kumpulan sasar secara meluas.

Untuk Sambutan Hari Wanita 2019, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah merangka beberapa program bagi menyemarakkan Sambutan Hari Wanita 2019. Antara program yang akan diadakan adalah seperti *Hype Event* bersama Syanie (*walkabout bersama Syanie*), *pocket talk* topik **Mental Health Awareness “Balance for Better”** dan **“Finding your Balance”**, Persidangan Meja Bulat **“Wanita Pemangkin Transformasi”** oleh CUEPACS, Forum **Menangani Gangguan Seksual dan Keganasan Rumah Tangga** oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), *pocket talk* bersama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dengan topik **Wanita dan Keselamatan Jalan Raya**, *pocket talk* dengan topik **Wanita Banteras Dadah** daripada pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan **Sambutan Hari Wanita** di beberapa Kementerian, jabatan, agensi dan NGO yang terlibat. Selain itu, program kemahiran *Community Based Enterprise* (CBE) turut diadakan. Orang awam juga boleh mendapatkan pelbagai informasi daripada agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan pameran Sambutan Hari Wanita 2019. Sambutan ini akan disambut secara serentak di setiap negeri.

Kementerian turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada syarikat-syarikat yang telah memberi sokongan Sambutan Hari Wanita 2019 seperti Starbuck Malaysia, CJ Wow Shop, Pusat Pakaian Hari-Hari, CSR Sugars Refinery Sdn. Bhd., WR Empire Sdn. Bhd., Encik Bersih Premium Laundry dan Nestle Malaysia kerana telah bersama-sama kementerian dalam usaha menyokong program pemerksaan wanita. Semoga usaha ini akan berterusan dan sekali gus menyeru lebih banyak penglibatan syarikat-syarikat swasta yang lain dalam meraikan Sambutan Hari Wanita 2019 ini.

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam
Jabatan Pembangunan Wanita
Aras 25, Persiaran Perdana
PUTRAJAYA
Tel: 03-8323 1884/1885/2105
8 Mac 2019